

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/12/2018

PM akur tak langgar janji

BH - 31/12/2018 m/s: 6

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

➔ Perjanjian pegang jawatan sementara pengorbanan perlu diterima: Dr Mahathir

Oleh Wartawan NSTP
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad membayangkan, cadangan beberapa perwakilan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang mahu beliau kekal sebagai Perdana Menteri selama sepaggal, tidak boleh dilaksanakan.

Pengerusi BERSATU itu berkata, perjanjian supaya beliau menjadi Perdana Menteri untuk sementara waktu, adalah satu pengorbanan yang perlu diterima ahli BERSATU.

Katanya, perjanjian itu dibuat sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bersama parti komponen Pakatan Harapan (PH) supaya 'musuh lama' dapat bersatu untuk memastikan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berjaya ditumbangkan.

"Saya sedar desakan supaya kita terus ada Perdana Menteri yang tua ini lama-lama lagi, tapi suatu ketika dulu kita adalah pembangkang, kita tubuh parti dan harap dapat sokongan, khususnya daripada orang Melayu.

"Kalau dapat sokongan orang Melayu saja tanpa parti lain, saya tak yakin kita dapat me-



Dr Mahathir ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada PAT BERSATU kali kedua di PICC, Putrajaya, semalam.

nang. Untuk adakan gabungan parti, maka kita berunding dengan rakan kita.

"Satu syarat dikenakan ialah supaya saya, yang juga bekas musuh ketat mereka boleh jadi Perdana Menteri untuk sementara.

"Jadi, kita perlu berkorban dan terima syarat itu kerana yang utama bukan menjadi Perdana Menteri, tetapi menjatuhkan Datuk Seri Najib (Razak). Itu perjuangan kita," katanya dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) kali kedua BERSATU, di sini, semalam.

Ketika sesi perbincangan, beberapa perwakilan BERSATU mencadangkan supaya Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Bagaimanapun, cadangan itu

bercanggah dengan perjanjian dibuat antara pimpinan PH yang bersetuju melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama dua tahun, sebelum digantikan oleh Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perlu bertolak ansur

Dr Mahathir berkata, ahli BERSATU perlu bertolak ansur dan menerima perjanjian itu kerana pengorbanan setiap parti komponen PH ketika itu yang menghasilkan kemenangan pada PRU-14.

"Dalam perjuangan, perlu ada tolak ansur. Kalau kita berdegil, berkeras, kita akan binasa, jauh sekali mencapai matlamat digariskan kita," katanya.

Terdahulu, selepas menghadiri sesi perbincangan, Dr Mahathir menegaskan, beliau ti-

dad akan melanggar janji itu berhubung perkara itu.

"Itu pendapat mereka (cadangan perwakilan), tetapi kena pegang kepada janji," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, yang juga ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU, Muhammad Zahid Mat Arip, berkata Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Marzuki Yahya, akan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu.

Pada sidang media, Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah mengadakan perbincangan lanjut dengan Anwar berhubung tempoh 'penyerahan' jawatan Perdana Menteri kepada Presiden PKR itu.

Beliau berkata, perkara itu juga tidak dibincangkan langsung ketika makan malam bersama Anwar.